

GAMITAN LAUSANNE

KUMPULAN CERPEN REMAJA

Baharudin A. Manan

Kamil masih teringat-ingat akan kebaikan Suzanne sekeluarga. Kalau boleh dia mahu berpatah balik dan kembali sekali lagi ke kaki pergunungan Berner Alpen, seterusnya ke Montreux dan Lausanne. Dia menemui keluarga Suzanne yang baik hati itu. Mengapakah Kamil tidak dapat melupakan Suzanne sekeluarga? Dapatkan Kamil berjumpa dengan mereka?

0.23301
BAH



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

GAMITAN LAUSANNE



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



KUMPULAN CERPEN REMAJA

GAMITAN LAUSANNE

Baharudin A. Manan

PUSTAKA PERDANA



1012383



Dev. Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2003

Cetakan Pertama 2003
© Baharudin A. Manan 2003

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Baharudin A. Manan

Gamitan Lausanne : kumpulan cerpen remaja /
Baharudin A. Manan.

ISBN 983-62-7700-5

1. Short stories, Malay. 2. Malay fiction.

I. Judul.

899.23301

Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kandungan

| | |
|---------------------------|-----|
| Aku Akan Kembali | 1 |
| Augusta Popolla | 11 |
| Sepanjang Perjalanan | 21 |
| Gamitan Lausanne | 32 |
| Anak Sang Primadona | 45 |
| Di Sebalik Tabir Kertas | 56 |
| Mr. Joseph | 66 |
| Di Bawah Langit Mina | 74 |
| Harga Sebuah Lukisan | 92 |
| Juara | 109 |
| Udang Galah Bersepit Biru | 124 |
| Air Mata di Arafah | 141 |



Aku Akan Kembali

SUBUH hari, air pasang timpas. Air laut yang pasang mengolak arus ke kuala. Air sungai turut mengolak naik ke hulu. Paras air meningkat ke tebing. Hari masih gelap. Di sebelah timur, baru ada sedikit jalur sinar matahari yang kelihatan kuning dan jingga pucat. Burung-burung butbut tidak henti-henti berdengut bersahut-sahutan dari dalam baran.

Chairil bangkit dari tidur, menggenyeh-genyehkan matanya. Melihat keliling, bapa dan ibunya sudah tiada. Dia turun ke tanah dan melihat sejenak rumah yang berupa bangsal buruk, tempat dia bersama keluarga menumpang berteduh. Sekadar untuk berteduh daripada panas dan hujan. Bangsal itu beratapkan daun rumbia dan berdindingkan kulit kayu yang boleh ditembusi cahaya di banyak tempat. Lantai, kebanyakannya diperbuat daripada papan sayung dan bergelar buluh yang dibelah-belah.

Chairil kuat menyangkakan bahawa bapa dan

GAMITAN LAUSANNE

ibunya sudah ke pangkalan. Barangkali mereka pergi mandi dan mengangkut air untuk dimasak. Dia teringatkan bapa dan ibunya masih belum balik sejak malam semalam, apabila dia tiba di rumah. Malam itu dia cuba mencari-cari, kalau-kalau bapa dan ibunya berada di sekitar bangsal itu. Dengan badan yang amat letih, kepalanya dilabuhkan ke atas bantal yang berbau hapak dan busuk. Matanya cepat terkatup dan dia tidur dengan nyedar sekali.

Esoknya dia menapak longlai ke pangkalan. Dilihatnya perahu besar masih tersadai di atas tebing ke pasir. Sebahagian badannya masih terjulur ke dalam air. Talinya tertambat pada pancang di daratan. Pak Samad, tuan perahu, masih belum muncul di pangkalan, dia berkemungkinan lewat sedikit pada hari itu. Pada hari Jumaat begitu, dia biasanya bersolat subuh berjemaah di masjid. Imam mungkin membaca surah panjang dan melakukan sujud sajjadah. Dahulu, pernah juga dia bersolat di masjid, tetapi akhir-akhir ini bapanya menegah dia pergi ke sana. Dia sendiri tidak faham dengan tegahan bapanya itu. Dia cuba bertanyakan sebabnya.

“Jangan tanya. Suatu hari nanti kamu akan tahu sendiri sebabnya,” kata bapanya separuh terkilan.

Hatinya sebal mendengar jawapan itu.

‘Kalau jarang ke masjid, bagaimana hendak berkenalan dengan orang-orang kampung?’ tanya

AKU AKAN KEMBALI

hatinya. Apa yang Chairil ketahui, bapanya berkawan dengan orang-orang tertentu sahaja, termasuk Pak Samad.

Pak Samad berdehem dari belakang, memecah suara burung tukang yang berbunyi berdengkang-dengkang. Burung-burung butbut berdengut bersahut-sahutan. Bunyi burung itu lain macam sahaja pada telinga Chairil. Dia berasa macam ada sesuatu yang tidak kena. Namun, percayakan benda karut begitu adalah tahyul. Bapanya sering mengingatkan begitu. Akan tetapi, pada hari ini dia berasa lain macam sahaja. Dengutan burung butbut itu menjadi-jadi, bagaikan memberi sesuatu petanda.

“Ah, kamu datang awal benar hari ini, Ril.” Pak Samad menegur. “Pak cik ingat kamu bersama dengan bapa dan ibu kamu malam semalam....” Dia tidak jadi meneruskan.

Debar dada Chairil menjadi kencang. “Mengapa, bapak?” tanya Chairil, cemas.

“Ah, kamu janganlah risau. Tak ada apa-apa. Lupakan saja.” Pak Samad cuba menyembunyikan sesuatu.

Chairil yang masih muda itu menjadi semakin cemas. Dia mengesyaki sesuatu perkara berlaku terhadap bapa dan ibunya.

“Mengapa dengan bapa dan ibu saya, bapak?” tanya Chairil.

“Apa ... bapa dan ibu kamu tak pulang semalam?” tanya Pak Samad.

“Entah. Ketika saya pulang, mereka belum balik ke rumah. Kemudian, saya tertidur. Ketika saya bangkit pagi ini, mereka tiada. Mungkin mereka 'dah pergi kerja.”

“Ya, ya ... mungkin mereka 'dah pergi kerja. Kesian kamu, tentu kamu belum makan apa-apa lagi sejak semalam.” Pak Samad bersimpati.

“Tak mengapa, bapak. Makan boleh dicari di mana-mana. Tapi ... di mana bapa dan ibu saya? Bapak tak berbohong dengan saya?” tanya Chairil. “Mengapa dengan bapa dan ibu saya?” Dia terus mendesak supaya Pak Samad memberitahunya.

Pak Samad seakan menyesal kerana membuatkan Chairil bersusah hati. Sukar untuknya menerangkan. Patutkah dia memberitahu sesuatu yang belum pasti berlakunya?

“Kamu jangan susah hati. Marilah dorong perahu ke air. Kita perlu mengangkut pasir sepuluh perahu hari ini. Pemborong memerlukannya segera kerana mahu membina jambatan. Kita perlu dapatkan giliran pertama memuatkan pasir ke perahu. Lepas itu kita pergi bersarapan.” Dia cuba melupakan pertanyaan Chairil.

Chairil mendorong bahunya ke haluan perahu, tetapi dia tidak berusaha bersungguh-sungguh. Perutnya berkeriut. Dengan bantuan dorongan Pak Samad barulah perahu itu beranjak. Kemudian, perahu itu menggeluncur turun ke sungai.

“Bapak mesti beritahu saya ... di mana bapa dan ibu saya berada sekarang!” Chairil terus

AKU AKAN KEMBALI

mendesak. Kakinya melompat pantas ke dalam perahu.

“Tapi, pak cik sendiri tak pasti di mana.” Pak Samad menghidupkan enjin sangkut di belakang perahu. Membesarkan minyak dan memalingkan kemudi ke kanan.

Perahu bergerak ke tengah sungai, menuju ke kuari pasir di seberang sana. Enjin kuari yang besar menyedut pasir dari dasar sungai, menyalurkannya melalui saluran di atas permukaan sungai. Di situlah perahu-perahu tertadah menunggu pasir mencurah turun. Kerjanya senang. Ia menjadi rumit cuma ketika memindahkan pasir ke tempat yang ditempah orang. Pasir disodok dengan sikul ke lori yang menunggu di tebing sungai. Pak Samad akan menguruskan semua belian dan jualan hari itu secara tunai.

Pada penghujung hari, Pak Samad membayar upah kepada Chairil mengikut kadar berapa ela atau tan pasir yang dijual. Chairil terpaksa bekerja untuk menolong bapanya menyara kehidupan sekeluarga. Dia kadang-kadang lupa dengan kehidupan sekelilingnya.

Perahu bergerak perlahan walaupun enjinnya dikuatkan Pak Samad. Dada perahu penuh sarat dengan pasir sungai. Perahu kelihatan mendap ke bawah, seakan-akan tenggelam. Di belakangnya olakan air yang berkejaran ke tebing.

“Bapak, beritahulah sekarang apa yang



GAMITAN LAUSANNE

BAHARUDIN A. MANAN dilahirkan di Besut, Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampong Raja, Besut, dan kemudian di Sekolah Menengah Tengku Mahmood dan Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang perakaunan. Kini berkhidmat sebagai Pegawai MARA di Setiu, Terengganu.

Baharudin A. Manan mula menceburkan diri dalam dunia sastera sejak di bangku sekolah. Beliau amat meminati penulisan cerpen dan novel remaja. Antara novel hasil penanya ialah *Tetamu Pulau Setangan* (DBP), *Jauh di Pulau* (DBP), dan *Dunia Temakul* (DBP).

ISBN 983-62-7700-5



9 789836 277008